



**JABATAN DASAR PERCUKAIAN
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
ARAS 17, MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR
TELEFON : 03-83138888 FAKS : 03-83137811**

Ruj. Kami : LHDN.01/35/(S)/42/51/ 72(NN)
Tarikh : 15 April 2022

Chartered Tax Institute of Malaysia
B-13-1 Megan Avenue II,
No.12 Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
(u/p: En. Thenesh Kanna)

Tuan,

**CTIM COMMENTS ON FAQ ON 2% WITHHOLDING TAX DEDUCTED FROM
PAYMENT BY PAYER COMPANIES TO AGENTS, DEALERS OR DISTRIBUTORS**

Dengan hormatnya surat tuan bertarikh 05 April 2022 melalui emel bertarikh 6 April 2022 adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan maklum balas LHDNM berhubung isu-isu yang dibangkitkan berhubung Soalan Lazim Berkaitan Potongan Cukai 2% Terhadap Pembayaran Oleh Syarikat Pembayar Kepada Ejen, Pengekar atau Pengagih di bawah Bajet 2022 untuk perhatian pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Sb' or similar, is written on the page.

(SALAMATUNNAJAN BINTI BESA)

Pengarah

Jabatan Dasar Percukaaian

b.p Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

MAKLUM BALAS LHDNM

1. Item A2 of the FAQ – Payer Company

A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
2.	Siapakah syarikat yang dimaksudkan dalam peruntukan ini?	Dalam peruntukan ini, syarikat merujuk kepada seksyen 2 ACP yang bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

The definition of company given in item A2 of the FAQ adopts the definition of company in Section 2 of the Income Tax Act (ITA) 1967 which states:

“company” means a body corporate and includes any body of persons established with a separate legal identity by or under the laws of a territory outside Malaysia and a business trust;

Paragraph 4.1(a) of the IRB Public Ruling No. 5/2015 on Taxation of Limited Liability Partnership (LLP) states:

An LLP is a body corporate under the LLPA and has been defined under section 2 of the ITA. An LLP is an alternative business form that is introduced by the Companies Commission of Malaysia (CCM) to provide options to businesses and entrepreneurs to carry out their business operations to be more competitive. An LLP has hybrid features of a company and a partnership that provides limited liability to its partners.

Comments:

We would like to seek confirmation that a payer company for the purpose of Section 107D of the ITA 1967 only refers to a ‘Sdn Bhd’ or ‘Berhad’ that is registered under the Companies Act or its foreign equivalent, and does not include an LLP.

MAKLUM BALAS LHDNM:

LLP tidak dikategorikan sebagai syarikat pembayar di bawah peruntukan seksyen 107D Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

MAKLUM BALAS LHDNM

2. Item A5 of the FAQ – Payment subject to 2% tax deduction

A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
5.	Apakah jenis pembayaran kepada EPP yang tertakluk kepada potongan cukai 2%?	Semua jenis bayaran yang terbit hasil daripada jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh EPP yang diberi kuasa oleh syarikat seperti komisen dan insentif dalam bentuk tunai .

Comments:

We would like to seek clarification on the definition of “tunai”. Does “tunai” cover only payments in form of cash, cheque and Interbank GIRO (IBG), or does it also include transactions via payment vouchers, prepaid credit and e-wallet (such as Touch N Go and Grab).

MAKLUM BALAS LHDNM:

Bayaran yang dinyatakan di atas adalah termasuk dalam maksud tunai.

MAKLUM BALAS LHDNM

3. Item A6 of the FAQ – Credit Note, Contra or Discount

A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
6.	Adakah nota kredit termasuk dalam bentuk bayaran kepada EPP yang tertakluk kepada potongan cukai 2%?	Tidak. Nota kredit, kontra dan diskaun tidak tertakluk kepada potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP.

Comments:

3.1 We would like to seek clarification on Section 107D application under contra transaction, with the following scenario:

Agent A earns gross commission from Company B amounting to RM5,000. Agent A owes Company B some administrative costs and product costs amounting to RM1,000. As such, the net commission to be paid to Agent A is RM4,000, before accounting for any withholding tax (WHT).

- (i) Under the above scenario, kindly advise if Section 107D WHT is applicable on the commission of RM5,000 or RM4,000.
- (ii) If the answer to Item (i) above is RM4,000, we would like to seek HASiL's confirmation that the nature of contra payment does not matter, as there are other types of contra payments that may be involved. For example, the payer may impose a penalty on dealers for non-compliance or the dealers are required to pay back the payer due to clawback of incentives under certain arrangements pre-agreed upon. In this respect, Section 107D WHT is only applicable to the net amount after taking into account various types of contra payments.
- (iii) If the answer to Item (i) above is RM5,000 kindly provide us some examples of contra transactions where Section 107D WHT is not applicable.

3.2 Is the Section 107D WHT applicable where the commission due to the agent, dealer or distributor (ADD) (e.g. 10) is set off against sales collected by the agent (e.g. 100), resulting in no payment from the company to the ADD but instead, a net payment (90) by the ADD to the company?

MAKLUM BALAS LHDNM:

3.1

- (i) Berdasarkan senario yang diberikan, amaun yang tertakluk kepada potongan cukai 2% adalah RM5,000.
- (ii) Penentuan sifat pembayaran/transaksi adalah penting dalam penentuan potongan cukai 2%. Sekiranya transaksi tersebut tidak berkaitan dengan pengurangan bayaran komisen/insentif

MAKLUM BALAS LHDNM

atau penarikan semula komisen/insentif oleh syarikat pembayar kepada ADD maka bayaran kontra berkenaan tidak tertakluk kepada potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP.

(iii) Contoh:

Syarikat membayar RM100 kepada ADD sebagai komisen jualan. Tetapi ADD perlu membayar kad biometrik berjumlah RM40 untuk urusan keluar masuk stor. Syarikat pembayar membuat transaksi kontra dimana hanya RM60 sahaja dikreditkan ke akaun bank ADD.

Layanan seksyen 107D ACP:

Amaun asal RM100 adalah tertakluk kepada potongan cukai 2%. Bayaran berjumlah RM40 tidak boleh ditolak daripada RM100 bagi pengiraan potongan cukai 2%.

3.2 Bagi tujuan potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP, bayaran dianggap telah dibuat atau dikreditkan kepada ADD apabila amaun tersebut telah ada untuk atau bagi manfaat ADD.

Oleh itu bagi senario ini, komisen RM 10 dianggap telah diterima pada tarikh amaun RM 90 dibayar atau dikreditkan kepada syarikat pembayar.

Berdasarkan kepada perenggan 107D(4)(b) ACP:

(b) if the payer has not deducted any amount upon making the payments with respect to which the amount relates, the payer may recover the amount from that agent, dealer or distributor as a debt due to the payer.

Di bawah peruntukan ini, ADD dianggap terutang RM 0.20 (RM10 x 2%) kepada syarikat pembayar. Amaun yang sepatutnya di bayar kepada syarikat pembayar adalah RM 90.20 iaitu termasuk potongan cukai 2%.

MAKLUM BALAS LHDNM

4. Item B1 of the FAQ – Agent, Dealer or Distributor

B. MAKSUD EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Siapakah yang dimaksudkan dengan EPP bagi tujuan peruntukan ini?	EPP adalah merupakan seorang individu pemastautin yang diberi kuasa oleh syarikat pembayar untuk bertindak sebagai EPP dan menerima bayaran yang terbit daripada hasil jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh EPP tersebut.

Comments:

We would like to seek clarification whether “agents, dealers or distributors” (ADD) now include real estate agents, individuals who receive referral fees commission, or are they only confined to those under Form CP58 e.g. for multilevel marketing (MLM) companies, insurance agents only? This is because this tax deduction mechanism is to address the issue under Form CP58 whereby the ADD did not report their income for tax purposes.

MAKLUM BALAS LHDNM:

Peruntukan seksyen 107D ACP hanya terpakai kepada ADD yang memperolehi insentif tunai yang berasaskan pencapaian jualan atau perkhidmatan yang dilakukan untuk syarikat pembayar. Ini bermakna peruntukan ini tidak terpakai kepada mana-mana fi yang diterima yang bukan berasaskan pencapaian perkhidmatan yang diberikan.

MAKLUM BALAS LHDNM

5. Item B3 of the FAQ – Payment to an Individual Partner

B. MAKSUD EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH

Bil.	Soalan	Maklum Balas
3.	Adakah ahli kongsi yang merupakan individu dalam perkongsian termasuk di dalam kategori individu di bawah peruntukan ini?	Ya. Jika pembayaran dibuat kepada ahli kongsi individu maka ia tertakluk di bawah peruntukan ini. Walaubagaimanapun jika bayaran dibuat kepada sebuah perkongsian maka ia adalah tidak tertakluk di bawah peruntukan ini.

Comments:

We understand from the above that payment made to a general partnership does not fall within the scope of Section 107D WHT.

Kindly confirm whether payment made to an individual partner who is receiving on behalf of the partnership is subject to Section 107D WHT.

MAKLUM BALAS LHDNM:

Untuk makluman, tujuan seksyen 107D ACP diperkenalkan adalah untuk meningkatkan pematuhan cukai di kalangan ADD individu di mana potongan cukai 2% yang dibayar oleh syarikat pembayar merupakan amaun cukai berkaitan pendapatan (insentif tunai yang berasaskan pencapaian jualan atau perkhidmatan yang dilakukan untuk syarikat pembayar) yang diterima oleh ADD individu. Oleh itu, bayaran yang dibuat oleh syarikat pembayar perlu dikenalpasti terlebih dahulu sama ada bayaran yang dibuat berkaitan dengan pendapatan perkongsian atau bahagian pendapatan ahli kongsi individu. Sekiranya bayaran yang dibuat berkaitan pendapatan perkongsian, maka potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP adalah tidak terpakai. Jika bayaran yang dibuat berkaitan pendapatan bahagian ahli kongsi individu, maka potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP adalah terpakai.

6. Item D9 of the FAQ – Payment to an Employee of the Payer Company

D. BAYARAN DAN PELAPORAN OLEH SYARIKAT PEMBAYAR

Bil.	Soalan	Maklum Balas
9.	Sekiranya EPP telah tertakluk kepada CP500, adakah potongan cukai 2% ini masih terpakai?	Ya. CP500 adalah tanggungjawab EPP ke atas cukai EPP. Manakala potongan cukai 2% adalah di bawah tanggungjawab syarikat pembayar ke atas penerima bayaran.

Comments:

We refer to HASiL's response above as well as in Item 41 of IROU seminar dated 11 November 2021 (extract below):

MAKLUM BALAS LHDNM

41	Withholding tax S107D also apply to sale commission paid to a person who are non staff?	Withholding tax Sec. 107D does apply to sale commission paid to a person regardless of staff or non-staff and it is based on the amount of If the total sum of payment in the preceding year (in monetary form or otherwise) is more than RM100,000.
----	-----------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

HASiL's response to Item 41 above implies that Section 107D WHT is also applicable to payment made by a company to its own staff. However, as the commission payment made to the company's staff may have been subjected to a monthly tax deduction, we are of the view that the same income should not be subjected to WHT. This would create an unnecessary cash-flow burden on the company's staff, before he/she could claim back the tax paid in excess upon submission of the tax return for a YA.

In view of the above, we would like to seek confirmation that the Section 107D WHT provision does not apply when the payment is by the ADD's employer and has been subjected to monthly tax deduction (MTD/PCB).

MAKLUMBALAS LHDNM:

Potongan cukai 2% adalah tidak terpakai kepada ADD yang merupakan staf syarikat sekiranya syarikat pembayar telah mengambil kira amaun komisen dalam pengiraan PCB staf berkenaan. Amaun komisen yang dibayar perlu dilaporkan bersama-sama gaji dan bayaran lain dalam Penyata Tahunan Gaji (EA) pekerja setiap tahun.

MAKLUM BALAS LHDNM

7. Other related matters

7.1 Example (payment in 2022):

- Commission fee to agents – RM98,000
- Out-of-pocket expenses – RM2,500
- Service tax – RM6,030

Comments:

Please confirm our understanding below:

- On the assumption that the RM100,000 threshold was met in 2021, the 2% withholding will be on RM98,000, i.e. the commission paid to the agents.
- Based on the example above, the 2% WHT will not be applicable in 2023 as the RM100,000 threshold is not met (only RM98,000).

MAKLUM BALAS LHDNM:

Transaksi *out-of-pocket expenses* yang berjumlah RM2,500 perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Sekiranya transaksi ini adalah salah satu jenis bayaran yang terbit hasil daripada jualan, transaksi atau skim yang dijalankan maka amaun RM2,500 juga tertakluk kepada potongan cukai 2%.

Jika bayaran tunai dan bukan tunai kepada ejen melebihi nilai ambang bagi tahun 2022 maka potongan cukai 2% adalah dikenakan ke atas bayaran tunai yang terbit hasil daripada jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh ejen dalam tahun 2023.

7.2 Scenario 1

An agency contract is entered into between 2 companies (Sdn Bhd). Commission payments are reported by the payer company in the Form CP58 in the name of the agency company. However, for purposes of business expediency, the agency company had requested the payer company to remit the commission payments directly to the bank account of the individual agents.

Scenario 2

An agency contract is entered into between a company (Sdn Bhd) and an individual. However, the individual incorporates a company (Sdn Bhd) to carry out his business. In this case, the individual had requested the payer company to remit commission payments directly to the bank account of the company. The payer company reports the commission payments in the Form CP58 in the name of the company (Sdn Bhd).

Comments:

We would like to seek clarification on whether Section 107D WHT will apply in the above-mentioned scenarios.

MAKLUM BALAS LHDNM

MAKLUM BALAS LHDNM:

Bayaran yang dibuat oleh syarikat pembayar perlu dikenalpasti sama ada bayaran yang dibuat berkaitan dengan pendapatan ADD berkenaan (syarikat atau individu). Sehubungan itu jika bayaran merupakan pendapatan ADD sebuah syarikat maka peruntukan seksyen 107D ACP adalah tidak terpakai.